

Umrah musim sejuk

Ada kelebihan, tetapi turut mengundang kealpaan

MELAKSANAKAN ibadat umrah pada musim sejuk merupakan satu impian bagi setiap umat Islam di seluruh dunia.

Umrah merupakan ibadat yang wajib dilakukan sekali seumur hidup bagi umat Islam yang mukallaf iaitu memenuhi lima syarat iaitu Islam, baliqh, berakal, merdeka dan berkemampuan.

Berkemampuan di sini bermaksud ada kenderaan pergi balik dan ada bekalan makan serta minum ketika melaksanakan ibadat umrah.

Kewajipan ibadat umrah jelas disebut dalam Firman Allah SWT, di antaranya dalam Surah al-Baqarah ayat 196 yang bermaksud:

"Sempurnakanlah kamu wahai sekalian manusia ibadat haji dan umrah kerana Allah SWT."

Rasulullah SAW juga memperakui Firman Allah SWT bahawa ibadat umrah ini merupakan satu kewajipan tatkala Baginda bersabda, "Ibadat haji dan ibadat umrah kedua-duanya diwajibkan, ia tidak memudaratkan kamu untuk mengerjakan dahulu salah satu daripada kedua-duanya."

Keistimewaan dan ganjaran menunaikan ibadat umrah tidak dapat dinafikan dan ditambah pula dilakukan pada musim sejuk.

Sehubungan itu, umat Islam di seluruh dunia berebut-rebut ingin melaksanakannya kerana dua ganjarannya yang sangat hebat di samping keistimewaan musim sejuk itu sendiri.

Pertama, jemaah umrah yang mengerjakannya dengan sempurna akan diampunkan dosa-dosanya seperti sabda Rasulullah SAW, "Di antara satu umrah kepada satu umrah yang lain adalah penghapus dosa antara keduanya." (Riwayat al-Bukhariy dan Muslim).

Oleh itu, umat Islam yang mengerjakannya dalam musim sejuk amat bermotivasi untuk mengerjakannya lebih dari dua kali umrah di samping ibadat sunat yang lain.

Kedua, akan dikabulkan doa dan hajatnya. Sabda Rasulullah SAW, "Orang yang mengerjakan haji dan umrah adalah tetamu Allah SWT, sekiranya mereka memohon doa kepadanya, nescaya Allah SWT memperkenankan doa mereka, dan sekiranya mereka memohon keampunannya nescaya Allah SWT mengampunkan mereka." (Riwayat al-Nasa'iy dan Ibnu Majah).

Sehubungan itu, umat Islam dilihat kerap berdoa di depan Kaabah tanpa mahu berlindung di bawah bumbung bangunan Masjidil Haram walaupun pada waktu tengah hari kerana cuaca yang nyaman.

Ketiga, amalan dapat dilipat gandakan seperti kekerapan melakukan ibadat sunat kerana keselesaan suasana sejuk dan nyaman.

Kedatangan musim sejuk di Tanah Suci Mekah dan Madinah amat dinantikan oleh umat Islam di seluruh dunia.

bimbingan

Oleh **LUKMANUL HAKIM HANAFI**
(Pensyarah Pengurusan Haji Dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia).

Tambahan pula umrah bersamaan dengan jadual cuti sekolah dan cuti hujung tahun di antara bulan Disember hingga Februari dan adakalanya hingga ke bulan Mac.

Cuacanya yang sejuk dan nyaman membolehkan jemaah umrah melakukan ibadat dengan selesa bersama keluarga. Suhunya tidaklah sesejuk seperti di sebahagian negara Eropah. Ia sekitar 15 darjah Celsius hingga 26 atau 28 darjah Celsius, cuma adakalanya pada waktu malam dan subuh ianya boleh mencapai 13 darjah Celsius.

Sejuknya di Tanah Suci Mekah dan Madinah bukanlah kerana disebabkan salji, tetapi kerana tiupan angin sejuk dari khutub utara.

Namun begitu, sejuk yang paling terasa sekali adalah ketika keluar dari hotel menunaikan solat subuh di masjid khususnya di Madinah.

Terdapat perbezaan cuaca di antara Tanah Suci Mekah dan Madinah. Andai kata, Mekah nyaman, maka Madinah sejuk, tetapi andai kata Mekah sejuk, maka Madinah lebih sejuk.

Sehubungan itu, jemaah umrah dinasihatkan tidak lupa membawa baju sejuk di samping ubat-ubatan.

Melaksanakan ibadat umrah pada musim sejuk adalah sama dengan ibadat umrah pada musim panas atau Ramadan iaitu dari segi rukun dan wajibnya.

Keistimewaan musim sejuk dapat membantu jemaah umrah melaksanakannya dengan lebih selesa tanpa perlu bimbang akan cuaca panas kering dan penyakit demam serta batuk khususnya bagi mereka yang membawa anak kecil.

Jemaah umrah juga dapat melipat kali gandakan beribadat di depan Kaabah atau dalam Masjidil Haram dengan lebih lama seperti memperbanyakkan melakukan ibadat umrah sunat, badal umrah, baca al-Quran, berzikir, berselawat dan melihat Kaabah sepuas-puasnya.

KEALPAAN JEMAAH

Namun begitu, dalam masa yang sama, umrah musim sejuk juga boleh menyebabkan kelalaian, kerugian dan kealpaan dalam kalangan jemaah umrah dan seterusnya mengundang melakukan kesalahan dan dikenakan dam serta berdosanya.

Ada dua kealpaan yang sering dilakukan jemaah adalah melibatkan masa dan larangan dalam ihram iaitu:

1) Menyangka pemergian umrah musim sejuk adalah satu percutian kerana kelebihan suasana sejuk dan nyaman

dan ini telah digunakan jemaah untuk tujuan lain, seperti banyak tidur dan menonton rancangan televisyen dalam bilik, membeli belah tanpa batasan dan kurang beribadat di masjid tanpa sebab uzur syarie.

2) Kerap melanggar pantang larang dalam ihram sebagai contoh jemaah wanita memakai sarung tangan atau maffa iaitu tutup muka tanpa sebab.


Manakala jemaah lelaki ketika ihram memakai stokin, selipar yang tidak menampakkan semua jari kaki serta tumit dan kadang kala bertawaf dengan stokin dan selipar tersebut di samping menutup kepala atau sebahagian kepala dengan alasan sejuk.

Kesalahan dalam ihram yang dilakukan dengan sengaja, bukan sahaja dikenakan dam tetapi berdosa dan mengganggu kemabruran umrah.

Justeru, bagi merebut ganjaran umrah yang dijanjikan Allah SWT di samping tidak mensia-siakan keistimewaan umrah musim sejuk, jemaah dinasihatkan agar menghadiri kursus umrah yang dianjurkan syarikat umrah.

Ini supaya mereka lebih memahami maksud tujuan menunaikan ibadat umrah, di samping persiapan dapat dibuat dengan rapi seterusnya mempraktikkannya di Tanah Suci Mekah dengan ibadat yang cemerlang dan akhirnya diterima Allah SWT. Amin.

● PENULIS juga Pengerusi Fa'izin International Travel & Tours, Merangkap Penasihat Syariah Andalusia Travel & Tours.



UMRAH musim sejuk memberi banyak kelebihan tetapi cuacanya yang dingin kerap kali menyebabkan kealpaan dalam kalangan jemaah khususnya semasa dalam ihram. - GAMBAR HIASAN